
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

RAG 132 – Pengantar Alam Bina

Masa: 3 jam


Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMBILAN** soalan. **BAHAGIAN A** adalah **Wajib**. Jawab **TIGA** soalan dari **BAHAGIAN B**, **DUA** soalan dari **BAHAGIAN C** dan **TIGA** soalan dari **BAHAGIAN D**.

BAHAGIAN A: (WAJIB) (10 markah)

1. Model Penghasilan

- (a) Terangkan hubungkait di antara keenam-enam elemen di dalam gambarajah di bawah:-



- (b) Apakah guna keenam-enam elemen ini?
- (c) Bagaimanakah keenam-enam elemen digunakan untuk memahami sesuatu alam bina?

(10 markah)

BAHAGIAN B: Jawab TIGA soalan sahaja (30 markah)

2. Mengapakah alam bina perlu diapresiasi? Apakah yang perlu dilakukan untuk mengapresiasi alam bina?

(10 markah)

3. Apakah peranan ruang dan bentuk dalam alam bina? Bagaimanakah ruang dan bentuk distrukturkan?

(10 markah)

4. Apakah maksud skala dalam penghasilan bina? Siapakah aktor-aktor utama pada tiap skala ini?

(10 markah)

....3/-

5. Apakah hasil kontraktor? Bagaimanakah niat kontraktor dihasilkan?
(10 markah)
6. Bezakan perumahan dan merumahan. Tunjukkan hasil yang mungkin didapati dari kedua-dua pendekatan ini dalam penyediaan rumah untuk golongan pendapatan rendah.
(10 markah)

BAHAGIAN C: Jawab DUA soalan sahaja (30 markah)

7. Huraikan kaedah yang paling sesuai untuk digunapakai dalam pendekatan untuk menghasilkan alambina khusus untuk projek-projek pembinaan bangunan kontemporari yang kompleks dengan menjelaskan hubungkait aktor-aktor yang terlibat, fasa-fasa pelaksanaan pembangunan yang perlu dilalui dan kebaikan dan kelemahannya.
(15 markah)
8. (a) Apakah tujuan seni bina dari segi aspek-aspek keperluan yang perlu dipenuhinya.
(5 Markah)
- (b) Bincangkan fahaman kamu tentang rekabentuk dalam konteks senibina dengan memberi contoh-contoh yang relevan.
(5 markah)
- (c) Huraikan proses **Lima (5)** tingkat dalam proses rekabentuk yang umum digunakan di dalam menghasilkan sesebuah rekabentuk bangunan.
(5 Markah)
9. (a) Peranan agensi kerajaan adalah untuk memastikan hal-ehwal, kesihatan dan keselamatan publik terjamin melalui penguatkuasaan garispanduan, undang-undang, peraturan-peraturan dan piawaian-piawaian minima untuk pembangunan yang telah ditetapkan. Daripada manakah garispanduan, undang-undang, peraturan-peraturan dan piawaian-piawaian yang tertulis ini boleh didapati?
(3 markah)

- (b) Sesebuah pembangunan di tapak perlu mendapat kelulusan-kelulusan tertentu sebelum ia boleh dibina dan diduduki. Nyatakan jenis-jenis kelulusan yang perlu perokabentuk perolehi daripada pihak berkuasa tempatan sebelum pembinaan dimulakan dan selepas pembinaan siap.

(2 markah)

- (c) Huraikan dengan bantuan carta aliran proses untuk mendapatkan kelulusan pelan bangunan.

(10 markah)

BAHAGIAN D: Jawab TIGA soalan sahaja (30 markah)

10. Senarai dan terangkan elemen-elemen yang mentakrifkan rumah/perumahan sebagai sebuah entiti yang menyeluruh.

(10 markah)

11. Dengan menggunakan pendekatan ekologi, terangkan bagaimanakah sesebuah penempatan dapat ditakrifkan sebagai bandar.

(10 markah)

12. Terangkan secara ringkas tahap-tahap perkembangan sesebuah penempatan bandar yang dipengaruhi oleh perkembangan ekonomi.

(10 markah)

13. Bincangkan perkembangan bandar-bandar awal (sebelum kemerdekaan) di Malaysia dan faktor pengaruhnya.

(10 markah)

14. Pada pendapat anda, masih relevankah konsep hierarki dan sistem bandar dalam era teknologi masa kini. Bincangkan.

(10 markah)